

# Saham RHB: UBG belum menemui KWSP

BH 1.0 SEP 2001

Oleh Kadir Dikoh ,

UTAMA Banking Group Berhad (UBG) yang sedang berunding untuk bergabung dengan RHB Bank Bhd (RHB Bank), belum menemui pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli ekuiti dana pencen itu dalam Rashid Hussain Bhd (RHB).

Pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata beliau tidak tahu mengenai hasrat UBG untuk membeli saham yang dimiliki oleh KWSP dalam RHB.

"Saya tidak boleh bercakap mengenainya kerana isu ini belum dibincang lagi. Oleh itu, saya tidak boleh membuat spekulasi," katanya ketika ditanya mengenai kemungkinan pihak UBG sudah memberi tawaran untuk membeli ekuitinya dalam RHB.

Beliau berkata demi-

## UBG mahu meningkatkan kepentingan ekuitinya dalam RHB bagi mencapai taraf bank teras

kian ketika ditemui selepas majlis taklimat mengenai operasi Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (Badan Pengawas) di Kuala Lumpur, kelmarin.

KWSP mempunyai 9.4 peratus ekuiti dalam RHB. Pemegang saham terbesar dalam kumpulan itu ialah pengasas dan ketua eksekutifnya, Tan Sri Abdul Rashid Hussain iaitu sebanyak 19.2 peratus ekuiti langsung dan 4.2 peratus ekuiti tidak langsung.

Pemegang saham lain ialah Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) sebanyak 16.8 peratus dan Danamodal Nasional Bhd 13 peratus.

Difahamkan UBG, anak syarikat Cahya Mata Sarawak Bhd (CMS), sedang berbincang untuk meningkatkan kepentingan ekuitinya dalam RHB. UBG sudah memperoleh 22.7 peratus ekuiti RHB apabila membeli 105.13 saham RHB daripada Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) pada harga RM399.48 juta.

Dengan pembelian itu, UBG kini muncul sebagai pemegang saham kedua terbesar dalam RHB selepas Abdul Rashid yang keseluruhannya kini menguasai 23.4 peratus dan kumpulan itu.

RHB menguasai 57 peratus kepentingan dalam RHB Capital Bhd (RHB

Capital). RHB Capital pula menguasai 70 peratus kepentingan dalam RHB Bank.

Penganalisis berkata, KWSP dan KWAP kini menjadi sasaran UBG dan jika berjaya membeli salah satu daripada ekuiti kedua-duanya dalam RHB, ia menjadi pemegang saham utama dan menghampiri matlamat menjadikan anak syarikatnya, Bank Utama Malaysia Bhd (Bank Utama) sebagai bank teras.

Bank Utama kini hanya mempunyai 35 cawangan dengan aset bernilai RM7 bilion berbanding RHB Bank yang mempunyai 217 cawangan dengan aset bernilai RM51 bilion.

Kerajaan negeri Sarawak sebelum ini pernah menyatakan harapan untuk melihat UBG diberikan status bank teras bagi mewakili Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai perkara itu baru-baru ini berkata, ia adalah tidak mustahil jika UBG mampu memenuhi syarat yang ditetapkan Bank Negara.

Sebelum berunding bagi tujuan penggabungan dengan RHB Bank, UBG pernah mengadakan rundingan bagi tujuan yang sama dengan Kumpulan Arab-Malaysian dan EON Rank Bhd, tetapi mencapai jalan buntu berikutan kegagalan perundingan itu mencapai persetujuan berhubung siapa yang akan memiliki kepentingan kawalan dalam entiti penggabungan.